

Perkukuh peranan guru lahir modal insan berkualiti

UM 24.1.2015 3

KOTA KINABALU 23 Jan. - Kementerian Pendidikan akan menumpukan pada aspek pelajaran dan pendidikan tinggi dengan menuju-rus kepada melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tumpuan dan usaha-usaha itu sudah pastinya bermula dengan para guru iaitu mendidik anak-anak muda di bangku sekolah.

Untuk itu, beliau yang juga Menteri Pendidikan menegaskan, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) perlu diperkasakan supaya bidang perguruhan menjadi bidang pilihan utama, selain mengatasi beban kerja para guru.

“Kita amat menghargai jasa para guru. Kebajikan mereka terutama di kawasan pedalaman tidak akan dipandang ringan. Kita akan menambah baik prasarana mereka, khususnya menyediakan dan menyelenggara

kuarters-kuarters guru terbabit.

“Ini kerana usaha melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama, bermula daripada para guru,” katanya ketika berucap dalam Majlis Perjumpaan Khas Bersama Warga Institusi Pendidikan Sabah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini malam ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.